SAMPEL PERCUMA

Kertas Trial SPM 2026 Bahasa Melayu Sarawak (Bintulu)

Set penuh: Kertas Trial SPM

Bahasa Melayu (25+ set)

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+
- Set Lengkap SPM: + kertas sebenar SPM 2025 + kupasan mutu jawapan + nota 9 subjek T4 & T5

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Nightmew Studios

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BINTULU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026

BAHASA MELAYU **1103/1**

Kertas 1

Julai

2 jam **Dua jam**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **dua** *bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**
2. *Jawab soalan* **Bahagian A** *dan* **satu** *soalan daripada* **Bahagian B.**
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak

Bahagian A


[*30 markah*]

Soalan ini **mesti** dijawab.


Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan bidang pertanian di Malaysia.
Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **bidang pertanian di Malaysia.**
Panjangnya huraian anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan.**

Kemajuan sektor pertanian dalam sesebuah negara dapat mengurangkan kebergantungan terhadap negara luar dalam menampung keperluan permintaan bagi produk makanan dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan bidang pertanian, penternakan, dan perikanan.

Sumber: *Utusan Borneo Online,* 11 Jun 2020



Bantuan kewangan



Teknologi moden

Bahagian B

[70 *markah*]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab **satu** *soalan.*

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara **350 hingga 500 patah perkataan.**

1. Amalan kitar semula merupakan antara langkah berkesan untuk menjamin kelangsungan hidup manusia pada masa hadapan dan wajar dijadikan sebagai cara hidup dalam kalangan masyarakat, sama ada di rumah, sektor industri mahupun institusi pendidikan. Oleh sebab itu, masyarakat perlu bertindak segera untuk mengamalkan kitar semula dalam kehidupan seharian kerana jumlah sisa buangan yang dihasilkan oleh setiap individu semakin meningkat.

   Sumber: Berita Harian, 24 Jun 2022

   Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan usaha-usaha memupuk amalan tersebut dalam kalangan masyarakat di negara ini.

2. Kerjaya amat berkait rapat dengan perkembangan kehidupan seseorang. Kerjaya juga merupakan kerjaya berterusan dan kesinambungan daripada pengalaman dalam kehidupan individu. Oleh itu, pemilihan kerjaya yang tepat dan bersesuaian dengan kelulusan dan personaliti diri sangat penting dalam menentukan hala tuju kehidupan seseorang individu.

   Sumber: Internet

   Bincangkan faktor-faktor dalam petikan dan faktor lain dalam pemilihan kerjaya.

4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam* **bahasa Melayu standard** *tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka sembah Kertala Sari, "Endah apatah pekerjaan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu? Pada hati manira, jika negerinya pun dapat manira alahkan dengan seorang kula juga, syahadan segala anak bininya orang Melaka itu pun dapat manira ambil. Adapun jika belum manira bunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu belum mati, tiada mahu manira jadi penggawa."

Setelah patih Gajah Mada mendengar demikian itu maka ia pun terlalu sukacita, seraya diperjamunya makan minum dan bersuka-sukaan dan diberinya persalin.

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan'
antologi *Jaket Kulit Kijang* dari Istanbul,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 *markah*]

5 *Dalam petikan di bawah terdapat beberapa peribahasa. Kenal pasti* **dua** *peribahasa kemudian berikan maksud peribahasa tersebut.*

Kehadiran Johan sebagai pengurus baharu di pejabat itu dianggap bagai pucuk dicita, ulam mendatang kerana beliau membawa perubahan besar dan inspirasi kepada semua kakitangan. Sifatnya yang berwibawa serta sentiasa prihatin terhadap kebajikan pekerja menjadikan suasana kerja lebih produktif. Beliau dan kakitangannya sentiasa bekerjasama dalam melaksanakan tugasan bagai aur dengan tebing. Beliau juga sangat disenangi kerana bijak menyesuaikan diri dengan budaya organisasi, bak kata pepatah, masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak.

[4 *markah*]

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan rangkai kata *tidak berkompromi*?

[2 *markah*]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah tujuan kerajaan mengambil tindakan terhadap pelaku rasuah dalam kalangan penjawat awam?

[3 *markah*]

(iii) SPRM begitu giat menjalankan pelbagai langkah untuk membendung gejala rasuah yang berlaku di dalam negara.

Pada pendapat anda, apakah implikasi jika amalan rasuah dapat dibendung?

[4 *markah*]

(iv) Rakan baik anda merupakan bendahari kelas yang diamanahkan untuk menyimpan wang kelas. Dia memberitahu anda bahawa dia ingin menggunakan wang kelas yang disimpannya untuk membeli kasut sukan dan akan menggantikannya kemudian.

Sebagai seorang rakan baik yang berintegriti, apakah yang akan anda lakukan?

[4 *markah*]

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, mengapakah hati aku berdebar-debar?

[2 *markah*]

(ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan ciri-ciri suasana tempat melancong.

[3 *markah*]

(iii) Ekonomi negara boleh meningkat melalui industri pelancongan.

Pada pendapat anda, apakah manfaat yang diperoleh negara apabila sektor pelancongan semakin maju?

[3 *markah*]

(iv) Anda telah menghadiri satu konsert nyanyian pada minggu lalu. Selesai sahaja konsert nyanyian tersebut, anda mendapati banyak sampah sarap yang bertaburan di kawasan tersebut.

Sebagai seorang yang bertanggungjawab, nyatakan tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan pada masa akan datang bagi mengatasi masalah tersebut.

[4 *markah*]

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

9 *Baca petikan dan teliti* **setiap bahan** *grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu* rumusan *yang panjangnya* t**idak melebihi 120 patah perkataan.** *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Bahan 1

Kerjaya sebagai pegawai psikiatri semakin penting dalam sistem kesihatan negara seiring dengan masa. Psikiatri ialah seorang doktor pakar yang menjalankan diagnosis, rawatan, dan pemulihan terhadap individu yang mengalami gangguan mental dan emosi. Seseorang yang meminati kerjaya ini perlu memiliki ijazah perubatan terlebih dahulu, diikuti dengan pengkhususan dalam bidang psikiatri. Mereka juga hendaklah mempunyai empati yang tinggi, iaitu mampu memahami dan menyelami perasaan pesakit tanpa menghakimi mereka. Kerjaya ini juga sesuai untuk seseorang yang berdisiplin dan lebih dipercayai sama ada dari segi pengurusan masa dan lain-lain.

Mereka yang ingin menceburi bidang ini juga hendaklah mampu menjaga kerahsiaan pesakit dan membuat keputusan secara profesional dan berprinsip. Hal ini penting bagi membina kepercayaan, mengelakkan stigma, dan memastikan pesakit mendapat rawatan dengan penuh rasa selamat dan dihormati. Dalam dunia yang kian mencabar, kehadiran psikiatri amat diperlukan. Mereka membantu individu yang berdepan tekanan emosi dan gangguan mental agar dapat kembali menjalani hidup secara normal. Misalnya, psikiatri akan mendiagnosis dan merawat pesakit yang mengalami gangguan emosi, tekanan jiwa, kemurungan, skizofrenia dan pelbagai masalah psikologi yang lain.

Jadi, sesiapa yang ingin menceburi bidang ini mestilah berpengetahuan luas dalam psikologi dan perubatan serta mempunyai pemikiran analitik dan kritis kerana mereka perlu menilai simpton, sejarah pesakit, dan membuat diagnosis yang tepat. Dengan demikian, lebih ramai yang cakna akan kepentingan kesihatan mental dan menghargai sumbangan mereka yang bergiat dalam bidang ini. Oleh itu, media sosial harus dimanfaatkan untuk berkongsi maklumat, video pendidikan, dan pengalaman sebenar pakar psikiatri bagi menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Seorang Pakar Psikiatri untuk 100,000 Orang di Malaysia',
Oleh Ahmad Syahmi Jalaluddin

Bahagian B:

Karangan Respons Terbuka [70 *markah*]

PERINCIAN PEMARKAHAN

Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.

2. Jika karangan :

a. Kurang daripada 350 perkataan, *impression* akan turun. – **PERINGKAT KEPUJIAN**
b. Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – **maksimum PERINGKAT BAIK**
c. Melebihi 500 patah perkataan. – **PERINGKAT CEMERLANG BAWAH**
d. Bilangan perkataan 511 dan ke atas – **maksimum PERINGKAT KEPUJIAN**
e. Pemarkahan hanya diberi sehingga 500 bilangan patah perkataan sahaja. Buat garisan panjang bagi bilangan patah perkataan yang melebihi 500 patah perkataan. Pemeriksa perlu membaca skrip calon sehingga habis bagi mendapatkan pemeringkatan markah yang sebenar.
f. Jika calon menulis dalam bentuk point – **maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**

3. Cara menanda kesalahan isi, ejaan, dan tanda baca :

( )	=	Kesalahan isi
___	=	Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
/	=	Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
//	=	Kesalahan ejaan yang berulang
◯	=	Kesalahan tanda baca

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	• Kegramatisan: - kata (morfologi) - ayat (sintaksis) • Tanda baca • Ejaan
2. LARAS (Dinamis)	• Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	• Tema • Isi utama • Pengembangan (huraian / bahasa / hujahan / contoh) • Kerelevanan

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Trial SPM

Bahasa Melayu (25+ set)

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+
- Set Lengkap SPM: + kertas sebenar SPM 2025 + kupasan mutu jawapan + nota 9 subjek T4 & T5

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar